

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN SIMPAN SSPN BARU SLAY!**

1. **Soalan:**  
Apakah **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!**?

**Jawapan:**

**Kempen Simpan SSPN Baru Slay!** merupakan Kempen yang direka khusus bagi memperkasakan tabungan generasi muda dengan menawarkan pelbagai hadiah eksklusif bernilai lebih **RM400,000** untuk dimenangi oleh **530 orang pemenang**. Terdapat dua (2) cabutan untuk disertai oleh pendeposit:-

- a) Cabutan *Slay* 1
- b) Cabutan *Slay* 2

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh Kempen **Simpan SSPN Baru Slay!** bermula?

**Jawapan:**

Tempoh Kempen adalah seperti berikut:-

Cabutan	Tempoh Kempen	Tempoh Pengekalan
<b>Cabutan <i>Slay</i> 1</b>	1 Januari – 31 Mac 2026	1 April – 30 April 2026
<b>Cabutan <i>Slay</i> 2</b>	1 April – 30 Jun 2026	1 Julai – 31 Julai 2026

3. **Soalan:**  
Apakah yang dimaksudkan dengan **Tempoh Pengekalan**?

**Jawapan:**

**Tempoh Pengekalan** adalah tempoh di mana pendeposit tidak boleh membuat sebarang pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan semasa tempoh pengekalan daripada mana-mana akaun yang didepositkan dalam tempoh Kempen untuk melayakkan cabutan.

**4. Soalan:**

Apakah syarat-syarat untuk menyertai **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!**?

**Jawapan:**

Syarat-syarat untuk menyertai Kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pendeposit **Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus berumur 16 tahun sehingga 29 tahun** sahaja (penentuan umur adalah berdasarkan tahun semasa);
- ii. Pendeposit hendaklah membuat pembukaan akaun atau penambahan simpanan di Simpan SSPN **melalui saluran myPTPTN sahaja** dalam tempoh Kempen;
- iii. Pendeposit hendaklah memastikan simpanan bersih sekurang-kurangnya RM300 dikekalkan dalam tempoh Kempen;
- iv. Pendeposit **tidak boleh membuat sebarang pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan semasa tempoh pengekalan daripada mana-mana akaun yang didepositkan** dalam tempoh Kempen untuk melayakkan penyertaan dalam cabutan;
- v. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- vi. **Kelayakan Bilangan Cabutan**

Produk	Simpanan Bersih	Bilangan Cabutan Bagi Transaksi Berjaya Melalui myPTPTN
Simpan SSPN	RM50	2 cabutan
Simpan SSPN Plus	RM50 (simpanan + takaful)	2 cabutan

- vii. Tiada had untuk bilangan cabutan;
- viii. Pendeposit hendaklah **memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada tunggakan.**

5. **Soalan:**  
Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan pendeposit menyertai **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!**?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!** ini adalah automatik bagi pendeposit yang layak.

6. **Soalan:**  
Adakah pendeposit **LAYAK** menyertai kedua-dua kategori cabutan bagi **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!**?

**Jawapan:**

**LAYAK.** Pendeposit boleh menyertai **kedua-dua kategori Kempen Simpan SSPN Baru Slay!**

7. **Soalan:**  
Adakah pendeposit **LAYAK** menyertai cabutan sekiranya pendeposit telah membuat pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan di dalam tempoh Kempen atau semasa tempoh pengekalan daripada akaun yang didepositkan dalam tempoh Kempen?

**Jawapan:**

Kelayakan cabutan adalah seperti berikut:-

Bil	Perkara	Kelayakan Cabutan
1	Pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan <b>semasa tempoh Kempen</b> sahaja.	LAYAK
2	Pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan <b>semasa tempoh pengekalan</b> sahaja.	TIDAK LAYAK
3	Pengeluaran dan/ atau pindahan simpanan <b>semasa tempoh Kempen dan tempoh pengekalan.</b>	TIDAK LAYAK
4	Pendeposit membuat pembukaan akaun <b>1 April 2026 sebanyak RM500.00</b> tetapi telah melakukan pengeluaran pada <b>20 April 2026 sebanyak RM300.00.</b>	TIDAK LAYAK
5	Pendeposit membuat pembukaan akaun <b>1 April 2026 sebanyak RM500.00</b> tetapi telah melakukan pengeluaran pada <b>20 April 2026 sebanyak RM200.00.</b>	TIDAK LAYAK CABUTAN SLAY 1
6	Pendeposit membuat pembukaan akaun <b>1 April 2026 sebanyak RM500.00</b> tetapi telah melakukan pengeluaran pada <b>20 April 2026 sebanyak RM200.00.</b>	LAYAK CABUTAN SLAY 2

**8. Soalan:**

Jika akaun Simpan SSPN pendeposit TIDAK AKTIF dan mempunyai nilai tertunggak bagi akaun Simpan SSPN Plus, adakah pendeposit tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

**TIDAK LAYAK.** Pendeposit perlu memastikan akaun Simpan SSPN kekal aktif dan akaun Simpan SSPN Plus tiada nilai tunggakan sehingga tarikh cabutan.

**9. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini?

**Jawapan:**

Pemenang Kempen akan memenangi hadiah seperti berikut:

Cabutan	Pemenang	Hadiah
Cabutan Slay 1	Utama	Yamaha NVX 155 x 1 pemenang
	Kedua	iPhone 17 Pro x 4 pemenang
	Ketiga	DJI Osmo <i>Pocket 3 Creator Combo</i> x 10 pemenang
	Saguhati	RM500 x 250 pemenang

Cabutan	Pemenang	Hadiah
Cabutan Slay 2	Utama	Yamaha NVX 155 x 1 pemenang
	Kedua	iPhone 17 Pro x 4 pemenang
	Ketiga	DJI Osmo <i>Pocket 3 Creator Combo</i> x 10 pemenang
	Saguhati	RM500 x 250 pemenang

**10. Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh setiap cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

**11. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!** akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

**12. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pelarasan **hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka untuk diri sendiri, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di dalam rekod PTPTN.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Kempen Simpan SSPN Baru Slay!**.

*Maklumat dikemaskini pada 26 Januari 2026*